

BAB 5

ANALISIS PENGGUNAAN BAHAN SASTERA

5.1 PENGENALAN

Bab ini akan menganalisis data berkaitan dengan penggunaan bahan sastera di dalam akhbar dan majalah dalam pengajaran bahasa Melayu di bilik darjah. Ini bertujuan juga untuk menguji hipotesis yang berkaitan dengan bahan sastera dalam pengajaran yang berbunyi "bahawa bahan-bahan sastera di dalam akhbar dan majalah boleh digunakan untuk mengajar bahasa Melayu di bilik darjah"

Analisis terdiri daripada 2 bahagian. Bahagian 1 berdasarkan analisis isi kandungan buku teks bahasa Melayu, terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka meliputi teks tingkatan 1, 2, 3, 4 dan 5. Bahagian 2 berdasarkan borang soal selidik dan temubual penyelidik dengan guru.

BAHAGIAN 1

5.2 ANALISIS DATA BERKAITAN DENGAN ISI KANDUNGAN BUKU TEKS

5.2.1 Berapa banyakkah bahan sastera yang terdapat dalam buku teks

Untuk melihat kekerapan penggunaan bahan sastera di dalam buku teks, Jadual 1A dan 1B digunakan. Jadual 1A menunjukkan jumlah bahan sastera yang

terdapat di dalam buku teks manakala Jadual 1B menunjukkan jumlah bahan sastera dalam buku teks yang menggunakan petikan daripada akhbar dan majalah.

Jadual 1 A: Jumlah bahan sastera di dalam buku teks

Bahan sastera mengikut genre	Tingkatan					
	1	2	3	4	5	Jumlah
Puisi	2	4	8	15	6	35
Cerpen/ Petikan novel	2	6	5	9	9	31
Karya Klasik	-	4	2	2	4	12
Drama/ Dialog	5	5	7	4	5	26
Jumlah	9	19	22	30	24	104

Apabila dibuat perbandingan antara Jadual 1A dengan Jadual 1B dapat dilihat bahawa penggunaan petikan bahan sastera daripada akhbar dan majalah secara purata adalah kurang daripada satu pertiga berbanding dengan jumlah keseluruhan bahan sastera yang terdapat dalam teks.

Jadual 1B: Jumlah bahan sastera daripada akhbar dan majalah dalam buku teks

Genre	Tingkatan					Jumlah
	1	2	3	4	5	
Akhbar						
Cerpen	-	-	-	-	-	-
Sajak	-	-	-	1	1	2
Majalah						
Cerpen	3	1	2	3	5	14
Sajak	-	-	-	7	-	7
Jumlah	3	1	2	11	6	23

Dari segi kekerapan untuk tingkatan, Jadual 1B menunjukkan bahan sastera daripada akhbar dan majalah kerap dimuatkan dalam buku teks tingkatan empat dan lima berbanding dengan buku teks tingkatan satu, dua dan tiga. Peratusan menunjukkan perbezaan yang ketara, iaitu 48% (11 buah) bagi teks tingkatan empat dan 27% (6 buah) bagi teks tingkatan lima sedangkan hanya 13% (3 buah) dalam teks tingkatan satu, 5% (1 buah) dan 7% (2 buah) sahaja di dalam teks tingkatan dua dan tiga.

5.2.2 Apakah jenis bahan sastera yang dimuatkan ke dalam buku teks dan apakah kekerapannya.

Satu penemuan yang menarik daripada Jadual 1B ialah hanya bahan sastera berbentuk sajak sahaja yang diambil daripada akhbar. Ini memberikan gambaran

kepada kita bahawa genre ini paling sesuai digunakan untuk tujuan pengajaran di bilik darjah berbanding genre-genre lain yang terdapat dalam akhbar.

Jenis bahan sastera yang diambil daripada majalah pula terdiri daripada genre sajak dan cerpen (rujuk Jadual 1B). Mungkin kedua-dua genre ini difikirkan lebih sesuai oleh pihak pengarang walaupun terdapat pelbagai genre sastera yang lain di dalam majalah.

Analisis jenis bahan dari segi tingkatan pula (Jadual 1B) mendapati bahawa genre sajak, sama ada daripada akhbar atau majalah, hanya dimuatkan dalam buku teks tingkatan empat dan lima sahaja, manakala genre cerpen digunakan dalam semua teks meliputi buku teks tingkatan satu hingga lima. Ini mungkin kerana sajak-sajak di dalam akhbar dan majalah mengandungi tema yang kompleks dan memerlukan kemahiran bahasa yang tinggi untuk memahaminya.

Dari segi kekerapan jenis bahan, genre cerpen lebih kerap dimuatkan dalam buku teks berbanding dengan genre sajak (rujuk Jadual 1B) untuk semua tingkatan kecuali dalam teks tingkatan empat.

5.2.3 Apakah sumber bahan sastera di dalam buku teks dan apakah kekerapannya mengikut tingkatan.

(a) Sumber bahan

Analisis menunjukkan bahan sastera daripada akhbar yang dimuatkan dalam buku teks datangnya daripada akhbar **Berita Harian** dan **Mingguan Malaysia** (Rujuk Jadual 2). Didapati bahawa petikan daripada kedua-dua akhbar ini terhad kepada genre sajak sahaja.

Jadual 2: Kekerapan petikan bahan sastera daripada akhbar tertentu

Jenis akhbar	Genre Sastera			Jumlah
	Sajak	Cerpen	-	
Berita Harian	1	3	-	1 (50%)
Mingguan Malaysia	1	-	-	1 (50%)
Jumlah	2	-	-	2 (100)

* Sila rujuk Lampiran B

Sumber bahan sastera daripada majalah pula ialah majalah **Dewan Siswa, Dewan Masyarakat, Dewan Pelajar, Dewan Sastera** dan **Pemadam**. Dari segi kekerapan , kebanyakkan sumber dipetik daripada majalah **Dewan Siswa**, iaitu 38% (Lihat Jadual 3).

Jadual 3: Kekerapan petikan bahan sastera daripada majalah tertentu

Jenis majalah	Genre sastera		Jumlah
	Sajak	Cerpen	
Dewan Masyarakat	-	3	3 (15.0%)
Dewan Sastera	2	1	3 (15.8)
Dewan Siswa	3	5	8 (40.0)
Dewan Pelajar	-	4	4 (20.0)
Pemadam	1	-	1 (1.5)
Dewan Budaya	-	1	1 (1.5)
Jumlah	6	14	21 (100)

*Sila rujuk Lampiran B

(b) Kaitan kekerapan sumber dengan penggunaannya mengikut tingkatan

Menurut Koh (1989:216) sebelum menggunakan bahan sastera di dalam pengajarannya, seseorang guru hendaklah mentaksir taraf kebolehan bahasa muridnya, iaitu sama ada pada paras 'atas' 'sederhana', 'sederhana' atau 'bawah sederhana'. Jennifer Hill (1989) pula menegaskan bahawa pemilihan bahan yang bersesuaian dengan taraf keupayaan berbahasa murid akan menentukan kejayaan pengajaran dan pembelajaran sesuatu bahasa kerana:

"If students have to struggle with extremely difficult vocabulary and sentence structure they will neither understand the text nor enjoy reading it"
 (Jennifer Hill, 1989:19).

Kajian (Jadual 4) menunjukkan prinsip di atas telah diamalkan oleh pengarang buku teks yang dikaji. Contohnya, petikan daripada majalah Dewan

Pelajar (majalah yang menggunakan taraf bahasa yang mudah dan membincangkan isu-isu yang tidak terlalu kompleks) digunakan dalam buku teks tingkatan satu. Petikan daripada majalah **Dewan Siswa** (majalah yang ditujukan khas kepada golongan pelajar di peringkat sekolah menengah dengan menggunakan taraf bahasa yang sederhana dan membincangkan isu-isu yang berkaitan dengan dunia pelajar, sains, isu-isu semasa dan lain-lain) pula dimuatkan dalam teks tingkatan 2, 3, dan 4 (Jadual 4). Petikan bahan sastera daripada majalah **Dewan Masyarakat** dan **Dewan Sastera** pula hanya dimuatkan dalam buku teks tingkatan empat dan lima. Ini mungkin kerana kedua-dua majalah ini mengemukakan persoalan-persoalan yang lebih kompleks, kritikal dan menggunakan taraf bahasa yang lebih tinggi.

Jadual 4: Kaitan penggunaan jenis akhbar dan majalah dengan tingkatan tertentu

Senarai Akhbar/ Majalah	Tingkatan					Jumlah
	1	2	3	4	5	
Dewan Masyarakat	-	-	1	3	2	5
Dewan Sastera	-	-	3	2	5	
Dewan Siswa	2	1	2	5	-	8
Dewan Pelajar	3	-	-	-	-	3
Pemadam	-	-	1	-	-	1
Berita Harian	-	-	1	-	-	1
Utusan Malaysia	-	-	-	1	1	
Jumlah	3	1	2	11	6	23

Secara keseluruhannya, analisis kajian memberikan gambaran bahawa pihak pengarang dan penyunting buku teks yang dikaji, telah membuat pemilihan bahan

sastera yang wajar bersesuaian dengan peringkat umur dan peringkat kebolehan bahasa pelajar secara amnya. Bagaimanapun, murid yang berada dalam peringkat umur dan tingkatan yang sama berkemungkinan mempunyai kebolehan bahasa yang berbeza-beza. Oleh itu, langkah seterusnya untuk menggunakan bahan berkenaan (walaupun terkandung dalam buku teks) terpulanglah kepada kebijaksanaan guru yang berhadapan secara langsung dengan murid-murid mereka.

5.2.4 Apakah jenis-jenis kemahiran bahasa yang terlibat dan apakah kekerapannya

Analisis dalam bab 3, para 3.3.2.2 (Sila rujuk Jadual 9 di dalam Bab 3) menunjukkan bahan sastera berbentuk sajak yang dimuatkan ke dalam teks digunakan untuk mengajar kemahiran membaca dan memahami, mendengar dan bertutur dan menulis manakala cerpen digunakan untuk mengajar semua kemahiran bahasa termasuk bacaan luas. Bagaimanapun, dari segi kekerapan, sajak kerap digunakan untuk mengajar kemahiran mendengar dan bertutur, iaitu sebanyak 55.5% sebaliknya cerpen kerap digunakan untuk mengajar kemahiran 'membaca dan memahami', iaitu sebanyak 35%.¹

BAHAGIAN 2

5.3 ANALISIS DATA BERKAITAN DENGAN PENGGUNAAN BAHAN SASTERA OLEH GURU DI BILIK DARJAH

Bahagian ini cuba menjawab soalan-soalan berkaitan penggunaan bahan sastera daripada akhbar dan majalah di kalangan **guru-guru**. Antara soalan-soalan berkenaan ialah:

5.3.1 Berapa ramaikah guru yang menggunakan bahan sastera di luar buku teks

Daripada bab empat didapati, seramai 131 orang guru (jumlah keseluruhan responden dalam kajian ialah 148 orang) menggunakan akhbar. Daripada jumlah ini 37.4% (49 orang) daripadanya turut menggunakan petikan bahan-bahan berbentuk sastera yang terdapat di dalam **akhbar**.

Daripada bab empat juga didapati, seramai 114 orang guru menggunakan majalah. Sebanyak 50% (57 orang) daripadanya didapati turut menggunakan bahan-bahan sastera daripada majalah sebagai alat bantu semasa mengajar bahasa Melayu di bilik darjah.

Secara perbandingan, kajian mendapati lebih ramai guru menggunakan bahan

sastera daripada majalah berbanding akhbar. Apabila ditanya, sebilangan besar guru memberikan alasan bahawa bahasa dan tema bahan sastera yang terdapat di dalam majalah-majalah tertentu lebih sesuai dengan peringkat umur dan taraf bahasa murid-murid.

5.3.2 Apakah jenis bahan sastera dalam akhbar dan majalah yang digunakan oleh guru dan apakah kekerapannya

Daripada 49 orang guru yang menggunakan bahan sastera daripada akhbar, hampir kesemua (98%) menggunakan bahan sastera berbentuk cerpen dan 2% lagi menggunakan bentuk pantun.

Penemuan yang sama didapati bagi majalah. Daripada 57 orang guru yang menggunakan bahan sastera daripada majalah, 90% daripadanya menggunakan cerpen dan 10% pula menggunakan sajak.

5.3.3.1 Apakah bangsa murid, dan apakah kaitan bangsa murid dengan kekerapan guru menggunakan bahan sastera di dalam akhbar dan majalah

Sesetengah sekolah mempunyai lebih ramai murid daripada bangsa-bangsa tertentu berbanding dengan bangsa-bangsa lain. Hasil kajian (Jadual 5) mendapati majoriti guru yang kebanyakannya murid-muridnya terdiri daripada murid berbangsa

Melayu paling kerap menggunakan bahan sastera di dalam akhbar, iaitu sebanyak 44.7% (21 orang guru).

Apabila ditanya, guru memberi alasan bahawa hampir kesemua murid berbangsa Melayu dapat menguasai bahasa Melayu. Oleh itu, apabila bahan sastera digunakan, tidak timbul masalah ketidakfahaman. Guru-guru yang mengajar di sekolah yang kebanyakannya muridnya menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua sebaliknya mendapati, tidak kesemua murid berkenaan dapat menguasai bahasa Melayu dengan baik. Oleh itu, timbul kesukaran untuk murid memahami bahasa Melayu apalagi bahan-bahan berbentuk kesusasteraan dalam bahasa Melayu.

Jadual 5: Kaitan Penggunaan bahan sastera di dalam akhbar dengan bangsa

Bangsa Murid	Ya	Tidak	Bil. guru menggunakan Jumlah
Kebanyakan Melayu	21 (44.7%)*	26 (55.3%)*	47(100%)*
Kebanyakan Cina	18 (36.7)	31 (63.3)	49(100)
Kebanyakan India	4 (33.3)	8 (66.7)	12(100)
Sama banyak antara kaum	6 (22.7)	17 (77.3)	23(100)
Jumlah	49	80	131

Petunjuk:

* Angka dalam % – bil. guru menggunakan

jumlah

Jadual 6 pula menunjukkan kaitan penggunaan bahan sastera di dalam majalah dengan bangsa murid. Berbeza dengan akhbar, bahan-bahan sastera di dalam majalah didapati bukan sahaja kerap digunakan oleh guru-guru yang mengajar di sekolah yang kebanyakannya muridnya terdiri daripada bangsa Melayu (61% - 25 orang) tetapi juga India (60% - 6 orang).

Jadual 6: Kaitan penggunaan bahan sastera di dalam majalah dengan bangsa

Bangsa Murid	Bil. guru menggunakan		Jumlah
	Ya	Tidak	
Kebanyakan Melayu	25 (61.0%)	17 (39.0%)	42(100%)
Kebanyakan Cina	19 (44.1)	24 (51.2)	43(100)
Kebanyakan India	6 (60.0)	4 (40.0)	10(100)
Sama banyak antara kaum	7 (36.8)	12 (55.6)	19(100)
Jumlah	57	57	114

Petunjuk:

Angka dalam % – bil. guru menggunakan

jumlah

5.3.3.2 Guru tingkatan manakah yang banyak menggunakan bahan sastera daripada akhbar dan majalah.

Jadual 7 menunjukkan penggunaan bahan sastera di dalam akhbar dan kaitan kekerapan penggunaannya dengan tingkatan.

Jadual 7: Kaitan penggunaan bahan sastera di dalam akhbar dengan tingkatan

Tingkatan	Bilangan guru menggunakan			Jumlah
	Ya (A)	Tidak (A)/(C)	(B)	
1	10 (38.5%)	16 (61.5%)	26 (100%)	
2	8 (44.4)	10 (55.6)	18 (100)	
3	6 (35.3)	11 (58.8)	17 (100)	
4	5 (23.8)	16 (76.1)	21 (100)	
5	7 (50.0)	7 (50.0)	14 (100)	
1, 2 dan 3	7 (35.0)	3 (65.0)	20 (100)	
4 dan 5	6 (40.0)	9 (60.0)	15 (100)	
	49	83	131(100)	

Gambaran yang diperoleh daripada Jadual 7 ialah guru-guru yang mengajar tingkatan lima (50%) dan tingkatan empat (44.4%) adalah paling kerap menggunakan bahan sastera di dalam akhbar berbanding dengan guru yang mengajar tingkatan-tingkatan lain.

Bagi majalah pula, didapati bahawa sebahagian besar guru yang menggunakan bahan sastera ialah guru yang mengajar tingkatan tiga, iaitu sebanyak 70%. Taburan kekerapan penggunaan di kalangan guru yang mengajar tingkatan satu, dua, empat dan lima adalah lebih kurang sama, iaitu di sekitar 50% (Jadual 8).

Jadual 8
**Kaitan penggunaan bahan sastera di dalam majalah
dengan tingkatan**

Tingkatan	Bilangan guru menggunakan		
	Ya	Tidak	Jumlah
1	10 (47.6%)	11 (52.4%)	21 (100)
2	7 (50.0)	7 (50.0)	14 (100)
3	7 (70.0)	3 (30.0)	10 (100)
4	10 (47.6)	11 (52.4)	21 (100)
5	5 (55.6)	4 (44.4)	9 (100)
1, 2 dan 3	14 (66.7)	7 (33.3)	21 (100)
4 dan 5	4 (33.3)	7 (58.3)	12 (100)
	57	50	107

Tiada Jawapan: 7 orang

5.3.3.3 Apakah pengalaman mengajar guru, dan apakah kaitan pengalaman dengan kekerapan penggunaan bahan sastera daripada akhbar dan majalah.

Pengalaman mengajar guru di dalam kajian ini dibahagikan kepada 4 kriteria, iaitu kurang dari 3 tahun, 3-5 tahun, 6-8 tahun dan 9 tahun ke atas.

Bagi akhbar, didapati bahawa kekerapan penggunaan adalah hampir sama tanpa mengira pengalaman mengajar guru, iaitu di antara 30% hingga 40% bagi

setiap kriteria. Bagaimana pun, kekerapan penggunaan di kalangan guru yang mengajar melebihi 9 tahun agak rendah, iaitu 28.6% (rujuk Jadual 9).

Jadual 9: Kaitan penggunaan bahan sastera di dalam akhbar dengan pengalaman mengajar guru

Pengalaman mengajar	Bilangan guru menggunakan		
	Ya	Tidak	Jumlah
< 1 - 3 tahun	16 (35.5%)	29 (64.4%)	52 (100%)
3 - 5 tahun	13 (48.1)	14 (51.9)	27 (100)
6 - 8 tahun	12 (38.7)	19 (61.3)	31 (100)
> 9 tahun	8 (28.6)	20 (71.4)	28 (100)
Jumlah	49	82	131

• Tiada jawapan: 4 orang

Secara perbandingan, dapatan kajian ini berbeza dengan dapatan kajian Thalatha Zaitun (1985) yang mendapati guru-guru yang baru mengajar (kurang dari 2 tahun) tidak langsung menggunakan bahan lain selain buku teks dan buku rujukan semasa mengajar bahasa Melayu. Sebaliknya, dapatan kajian ini menunjukkan penggunaan bahan di kalangan guru-guru yang baru mengajar adalah tinggi, iaitu di sekitar 35.5% bagi akhbar dan 51.5% bagi majalah. Keadaan ini menunjukkan satu pembaharuan terhadap sikap guru.

Bagi majalah pula, Jadual 10 menunjukkan taburan penggunaan adalah tinggi (65.2%) di kalangan guru yang mempunyai pengalaman mengajar melebihi 9 tahun.

Peratus penggunaan bahan di kalangan guru dalam kriteria mengajar kurang dari 3 tahun, 3 - 5 tahun dan 6 - 8 tahun adalah hampir sama, iaitu di sekitar 40% hingga 50%.

Jadual 10: Kaitan penggunaan bahan sastera di dalam majalah dengan pengalaman mengajar guru

Pengalaman Mengajar	Bilangan guru menggunakan		
	Ya	Tidak	Jumlah
<1 - 3 tahun	17(51.5%)	16(48.4%)	33(100%)
3 - 5 tahun	12(50.0%)	12(50.0%)	24(100%)
6 - 9 tahun	13(43.3%)	17(56.7%)	30(100%)
> 9 tahun	15(65.2%)	8(34.8%)	23(100%)
Jumlah	57	53	110

Tiada Jawapan: 4 orang

5.3.3.7 Apakah minat guru terhadap pengajaran bahasa dan apakah kaitannya dengan penggunaan bahan sastera.

Keputusan kajian mendapat terdapat tiga kriteria minat guru dalam mengajar mata pelajaran bahasa Melayu di sekolah, iaitu:

- (1) Guru-guru yang berminat mengajar bahasa Melayu.
- (2) Guru-guru yang menganggap mata pelajaran bahasa Melayu sebagai mata pelajaran yang susah dan bermasalah untuk diajar.

- (3) Guru-guru yang tidak berminat mengajar bahasa Melayu tetapi terpaksa mengajar kerana kekurangan guru berkenaan di sekolah mereka.

Daripada Jadual 11, didapati hampir separuh daripada guru yang menggunakan bahan sastera daripada akhbar terdiri daripada guru-guru yang berminat mengajar bahasa Melayu. Peratusan penggunaan bahan adalah rendah di kalangan guru yang menganggap mata pelajaran bahasa Melayu sebagai 'bermasalah untuk diajar' adalah rendah (25.8%). Hanya seorang sahaja guru yang tidak berminat mengajar bahasa Melayu menggunakan bahan sastera daripada akhbar.

Jadual 11: Kaitan dengan penggunaan bahan sastera di dalam akhbar dengan minat

Pendirian guru	Bilangan guru menggunakan		
	Ya	Tidak	Jumlah
Berminat	(A) 36 (40.5%)	(B) 53 (59.5%)	(C) 89 (100%)
Banyak Masalah	8 (25.8)	23 (74.2)	31 (100)
Terpaksa	1 (14.2)	6 (85.7)	7 (100)
Jumlah	45	82	127
Tiada Jawapan : 4 orang.			

Hal yang sama didapati untuk majalah (Jadual 12). Majoriti guru (53.8%) yang menggunakan bahan sastera daripada majalah terdiri daripada guru yang

berminat mengajar bahasa Melayu. Penggunaannya di kalangan guru yang menganggap pengajaran bahasa Melayu sebagai bermasalah pula ialah sebanyak 45.8%. Tiada seorangpun guru yang mengajar bahasa Melayu kerana terpaksa menggunakan bahan sastera daripada majalah.

Jadual 12: Kaitan penggunaan bahan sastera di dalam majalah dengan minat

Pendirian guru	Bilangan guru menggunakan			Jumlah
	Ya	Tidak	(C)	
Berminat	42 (53.8%)	36 (46.1%)	78 (100%)	
Banyak masalah	11 (45.8)	13 (54.1)	24 (100)	
Terpaksa	-	6 (100)	6 (100)	
Jumlah	53	53	106	

Tiada jawapan: 8 orang

Keputusan kajian yang dibentangkan dalam Jadual 11 dan 12 didapati telah menyokong pendapat yang dikemukakan oleh Paullias dan Young (1982) dan Bell Kauffman (1964:76) yang menyatakan bahawa sikap guru terhadap mata pelajaran yang diajar akan menentukan corak pengajarannya. Dapatlah dibuat satu kesimpulan bahawa minat mengajar sesuatu subjek merupakan daya peransang kepada seseorang guru untuk lebih 'committed' terhadap tugasnya.

5.3.3.8 Berapa ramaikah guru yang pernah menghadiri bengkel ADD dan apakah kaitan antara kehadiran dengan penggunaan bahan sastera.

Hasil kajian ANPA (1980) mendapati guru-guru yang menghadiri bengkel 'NIE' lebih cenderung menggunakan bahan akhbar semasa mengajar di bilik darjah berbanding dengan guru yang tidak pernah terdedah kepada bengkel. Andaian yang sama digunakan dalam kajian ini. Bagaimanapun, keputusan kajian didapati tidak menyokong andaian awal kajian. Dapatan dalam Jadual 13 menunjukkan peratusan penggunaan bahan di kalangan guru yang menghadiri bengkel dan guru yang tidak menghadiri bengkel adalah hampir sama. Perbezaan peratusan yang didapati amatlah kecil, iaitu sebanyak 2.4% sahaja.

Jadual 13: Kaitan penggunaan bahan sastera di dalam akhbar dengan bengkel

Kehadiran	Bilangan guru menggunakan		
	Ya	Tidak	Jumlah
Ya	(A) 28 (36.4%)	(B) 49 (63.6%)	(C) 77 (100%)
Tidak	21 (38.8%)	33 (61.1%)	54 (100%)
Jumlah	49	82	131

Sampel kajian terdiri daripada guru-guru di Amerika Syarikat. Sampel kajian tidak terhad kepada guru bahasa, tetapi meliputi guru-guru BM, matematik, sains, dan lain-lain.

Keputusan kajian memberikan dua gambaran penting. Gambaran pertama ialah bengkel bukanlah faktor utama yang menyebabkan guru menggunakan atau tidak menggunakan bahan sastera di dalam akhbar. Contohnya dalam Jadual 13 didapati bahawa peratusan guru yang menghadiri bengkel tetapi tidak menggunakan bahan adalah tinggi, iaitu sebanyak 63.6%. Semasa di tanya, guru-guru ini mengemukakan alasan tidak menggunakan bahan kerana ketiadaan galakan guru panitia, kesuntukan masa, beban tugas sedia ada yang berat dan ketidaksuaian bahan (bahan sastera di dalam akhbar menggunakan bahasa yang tinggi dan tema yang kompleks).

Gambaran kedua yang diperoleh ialah hampir separuh (42.8%) daripada guru yang menggunakan bahan sastera daripada akhbar adalah guru yang tidak pernah menerima latihan atau panduan untuk menggunakan bahan berkenaan. Akibatnya, guru-guru terpaksa menggunakan bahan sastera daripada akhbar mengikut daya kreativiti masing-masing.

Dapatan kajian bagi majalah pula mendapati bahawa guru-guru yang menghadiri bengkel lebih kerap menggunakan bahan sastera (56.5%) berbanding dengan guru yang tidak menghadiri bengkel (40.0%). (Sila rujuk Jadual 14).

² ketidaksuaian bahan merujuk bahan-bahan sastera daripada akhbar menggunakan bahasa yang susah dan tema yang kompleks.

Dapatan kajian ini didapati hampir bersamaan dengan dapatan kajian oleh pihak ANPA.

Jadual 14: Kaitan penggunaan bahan sastera di dalam majalah dengan bengkel

Hadir bengkel	Bilangan guru menggunakan			Jumlah
	Ya	Tidak		
Ya	39 (56.5%)	30 (43.4%)		69 (100%)
Tidak	18 (40.0)	27 (60.0)		45 (100)
Jumlah	57	57		114

Daripada Jadual 14 didapati bahawa sebanyak 40% daripada guru yang menghadiri bengkel tidak menggunakan akhbar dan majalah. Antara faktor yang menghalang penggunaan ini ialah kesibukan dan beban tugas yang tinggi, tiada peruntukan kewangan daripada pihak sekolah, dan kesuntukan masa (waktu mengajar hanya 35 hingga 40 minit sahaja untuk satu waktu).

5.3.4 Apakah kekerapan penggunaan (oleh guru) bahan sastera di bilik darjah, dan apakah sebab-sebab penggunaannya.

Kekerapan penggunaan merujuk kekerapan guru menggunakan bahan-bahan sastera di dalam akhbar dan majalah semasa mengajar bahasa Melayu di bilik darjah.

Jadual 15: Peratusan kekerapan penggunaan bahan sastera di dalam akhbar dan majalah

Kekerapan	Bilangan guru menggunakan Akhbar Majalah	
Tiap-tiap hari	-	-
4 kali seminggu	-	-
3 kali seminggu	-	-
1-2 kali seminggu	6 (12.2%)	9 (15.7%)
2 minggu sekali	1 (2.0)	-
3 minggu sekali	-	-
Sebulan sekali	5 (10.2)	7 (12.2)
Sekali sekala	7 (14.2)	7 (12.2)
Tidak menentu	30 (61.2)	34 (59.6)
Jumlah	49	57

Daripada Jadual 15 didapati hampir kesemua guru menggunakan bahan sastera dengan kadar kekerapan tidak menentu sama ada bagi akhbar atau majalah. Ini bermakna guru-guru tidak dapat membuat klasifikasi kekerapan yang tertentu kerana mereka menggunakan bahan sastera mengikut kesesuaian bahan, kemudahan mendapatkan bahan dan kemahiran yang hendak diajar pada sesuatu ketika.

5.3.4.1 Sebab-sebab penggunaan

Terdapat pelbagai sebab (tujuan) guru menggunakan bahan sastera di dalam akhbar dan majalah untuk mengajar bahasa Melayu seperti yang dibentangkan dalam Jadual 16.

Jadual 16: Peratusan sebab-sebab menggunakan bahan sastera
di dalam akhbar

Sebab-sebab	Bilangan guru menggunakan
Pelajar memberi sambutan	23 (46.9%)
Memupuk sikap suka membaca dan memperkaya tatabahasa	8 (16.3)
Menerapkan nilai-nilai murni	7 (14.2)
Sesuai dengan kurikulum	5 (10.2)
Alat Bantu Mengajar	5 (10.2)
Bahan sesuai dan murah	1 (2.0)
Jumlah	49 (100)

Antara sebab utama yang dikemukakan oleh guru ialah penerimaan bahan di kalangan murid-murid. Sebanyak 46.9% orang guru mendapati murid-murid menunjukkan minat semasa bahan digunakan. Penemuan ini tidak menghairankan kerana fungsi bahan sastera itu sendiri adalah sebagai alat penghibur (Hashim Awang, 1984:15). Fungsi ini ditambah pula dengan sifat akhbar sendiri, iaitu menyiaran karya yang bertemakan isu-isu semasa dan terkini.

Sebahagian besar (16.3%) guru menggunakan bahan atas sebab ingin memupuk sikap suka membaca dan memperkaya tatabahasa murid. Membaca karya sastera menyeronokkan bagi pelajar (Koh, 1986: 643) dan secara tidak langsung akan mewujudkan minat membaca sepanjang hidup (Azman Wan Chik, 1981:7).

Menyentuh kepentingan bahan sastera dalam memperkaya tatabahasa murid, Billows

(1973: 210) pula menyatakan:

"If he reads constantly and widely he will increase his mastery of the language far beyond what he was able to reach at school; he will join native users of the language in reading their newspapers and books, submitting himself at the same time to the currents of thought which move through the culture of the language..."

(Billows, 1973: 210)

Sebanyak 14.2% orang guru pula menggunakan bahan sastera di dalam akhbar disebabkan ingin menerapkan nilai-nilai murni secara tidak langsung kepada murid-muridnya. Sebab yang dikemukakan ini bersesuaian dengan kehendak sukanan pelajaran yang mewajibkan guru-guru menggunakan bahan sastera dalam pengajaran bahasa Melayu (Huraian Sukatan Pelajaran, Kementerian Pendidikan, 1989:16).

Sebab yang dikemukakan ini juga bersesuaian dengan fungsi sesebuah karya sastera iaitu, untuk memberi pengajaran dan sebagai "inspirasi moral" kepada pembaca atau masyarakatnya (Hashim Awang, 1984: 13, Mohd. Taib, 1977:166, Kamaruzzaman, 1988:6, Kassim Ahmad, 1982:23, Abdul Ahmad, 1992: 77). Berbeza dengan rencana biasa, unsur-unsur pengajaran di dalam bahan sastera dilukiskan secara tersirat dan dengan menggunakan bahasa yang indah dan tidak menjemuhan pembaca..

"Misalnya, pengarang ingin menceritakan tentang watak yang malas, pengarang tidak mengatakan, "Abu itu seorang yang malas. Sebaliknya, pengarang mungkin melukiskan, "Matahari sudah tinggi tetapi Abu masih berselimut di tempat tidurnya" (Hashim Awang, 1984:48).

Sebab-sebab guru menggunakan bahan sastera di dalam majalah pula dibentangkan dalam Jadual 17 di bawah.

Jadual 17: Peratusan sebab-sebab penggunaan bahan sastera di dalam majalah

Sebab-sebab	Bilangan guru menggunakan
Pelajar memberi sambutan	19 (33.9%)
Bahan sesuai dan menarik	17 (30.4)
Menerapkan nilai-nilai murni	13 (23.2)
Mempelbagaikan teknik mengajar	5 (8.9)
Galakan Guru Panatia	4 (7.0)
Memperkaya tatabahasa	4 (7.0)
Jumlah	57 (100)

Secara keseluruhannya, sebab-sebab utama penggunaan bahan sastera daripada majalah adalah hampir sama dengan sebab-sebab penggunaan bahan sastera daripada akhbar, iaitu kerana pelajar memberikan sambutan dan bertujuan untuk menerapkan nilai-nilai murni di kalangan murid-murid.

Penggunaan bahan sastera daripada majalah untuk menerapkan nilai-nilai moral juga bertepatan dengan kajian oleh Abdul Ahmad (1992:78) terhadap tema 81 buah cerpen di dalam majalah **Dewan Siswa** pada tahun 1983 hingga 1989. Beliau mendapati sebanyak 38.34% cerpen tersebut mengutarakan tema moral dan akhlak

sebagai tema utama yang menonjol, manakala tema moral dan akhlak yang dipersembahkan secara tersirat pula melibatkan keseluruhan karya-karya sastera yang disiarkan dalam majalah itu.

Secara perbandingan, terdapat satu perbezaan sebab penggunaan bahan yang amat ketara antara akhbar dan majalah. Hampir satu pertiga (30.4%) guru-guru didapati telah menggunakan bahan sastera daripada majalah atas dasar bahan berkenaan adalah sesuai dan menarik berbanding dengan seorang sahaja (2.0%) guru yang menggunakan bahan sastera daripada akhbar atas sebab yang sama.

5.3.5 Apakah masalah-masalah guru dalam penggunaan bahan sastera di bilik darjah.

(a) AKHBAR

Beberapa masalah yang sering dihadapi oleh guru semasa mengajar menggunakan bahan sastera daripada akhbar dikenal pasti. Masalah-masalah ini dibentangkan dalam Jadual 18.

Antara empat masalah utama yang ditunjukkan oleh Jadual 18 di atas ialah:

- (a) Suasana kelas menjadi bising. Masalah ini timbul disebabkan murid-murid terlalu seronok dan aktif dalam aktiviti yang melibatkan perbincangan.

Masalah ini juga timbul akibat kegagalan sesetengah murid membawa bahan menyebabkan mereka terpaksa berkongsi dengan rakan-rakan mereka. Ini memberi peluang kepada mereka untuk berbual-bual.

Jadual 18: Masalah-masalah penggunaan bahan sastera di dalam akhbar

Masalah-masalah	Bilangan guru menggunakan
Suasana bising	10 (20.4%)
Beban kerja guru berat	9 (18.3)
Murid tidak bawa bahan	6 (12.2)
Ruangan cerpen terlalu panjang	6 (12.2)
Masa terhad	4 (8.1)
Ruangan sajak sukar difahami	3 (6.1)
Murid tidak saham	2 (4.1)
Tiada masalah	9 (18.3)
Jumlah	49 (100)

- (b) Beban kerja guru berat. Masalah ini timbul kerana bahan di dalam akhbar terdiri daripada bahan yang tidak terancang. Oleh itu guru terpaksa meluangkan masa untuk memilih dan mengubahsuai bahan. Keadaan ini bertepatan dengan kenyataan Lufti (1988: 103) bahawa sesuatu karya yang dijadikan bahan pengajaran bahasa mestilah disunting terlebih dahulu.

- (c) Kesuntukan masa. Masalah ini timbul kerana masa yang diperuntukkan untuk mengajar adalah antara 35 hingga 40 minit sahaja untuk satu waktu. Penggunaan bahan sastera daripada akhbar memerlukan masa yang lebih panjang untuk membolehkan aktiviti-aktiviti memotong bahan, memahami, berlakon, berbincang, menulis dan sebagainya berjalan dengan lancar.
- (d) Masalah bahan. Guru-guru mendapati bahan sastera berbentuk cerpen di dalam akhbar adalah terlalu panjang, sedangkan masa mengajar yang diperuntukkan singkat. Bagi sajak pula, guru berpendapat sajak di dalam akhbar menggunakan bahasa dan tema yang kompleks menyebabkan murid sukar untuk memahaminya.

(b) Majalah

Taburan masalah-masalah yang dihadapi oleh guru semasa menggunakan bahan sastera di dalam majalah ditunjukkan dalam Jadual 19.

Secara keseluruhan, terdapat persamaan di antara masalah yang dihadapi oleh guru semasa menggunakan bahan sastera daripada majalah dengan akhbar. Bagaimanapun, guru-guru yang menggunakan majalah mendapati sesetengah muridnya tidak mampu membeli majalah kerana harga majalah yang mahal. Masalah ini, bagaimanapun, tidak dihadapi oleh guru-guru yang menggunakan bahan sastera daripada akhbar.

Jadual 19: Masalah-masalah penggunaan bahan sastera di dalam majalah

Masalah-masalah	Bilangan guru menggunakan
Murid tidak mampu membeli bahan	15 (26.3%)
Beban kerja berat	9 (15.7)
Suasana bising	6 (10.5)
Masa terhad	4 (7.0)
Ruangan cerpen panjang	2 (3.5)
Tiada masalah	21 (36.8)
Jumlah	57 (100)

5.3.6 Apakah sumber-sumber bahan sastera, apakah kekerapannya

mengikut tingkatan.

(a) Sumber bahan

Jadual 20 menunjukkan taburan kekerapan jenis-jenis akhbar yang digunakan oleh guru. Hampir kesemua guru (83.7%) didapati menggunakan bahan sastera daripada akhbar **Berita Harian**. Alasan yang diberikan ialah pihak akhbar ini memberikan potongan harga yang istimewa di samping menyajikan bahan-bahan sastera dalam ruangan 'Berita Pelajar' dan 'ADD'. Guru mendapat bahan sastera yang diselitkan dalam kedua-dua ruangan ini mempunyai kaitan dengan dunia pelajar dan menggunakan bahasa yang sederhana.

Jadual 20: Penggunaan bahan sastera daripada akhbar tertentu

Jenis-jenis akhbar	Bilangan guru menggunakan		
	Ya	Tidak	Jumlah
Berita Harian	41 (83.7%)	8 (16.3%)	49 (100%)
Utusan Malaysia	27 (55.1)	22 (44.9)	49 (100)
Berita Minggu	21 (42.9)	28 (57.1)	49 (100)
Mingguan			
Malaysia	15 (30.6)	34 (69.4)	49 (100)
Utusan Melayu	4 (8.2)	45 (91.8)	49 (100)
Media Hiburan	3 (6.1)	46 (93.0)	49 (100)
Watan	1 (2.0)	48 (98.0)	49 (100)
Lain-lain	4 (8.2)	45 (91.8)	49 (100)

Sesetengah guru menggunakan lebih daripada satu akhbar.

Selain Berita Harian, lebih daripada separuh guru menggunakan bahan-sastera daripada akhbar Utusan Malaysia. Kebanyakan bahan sastera diambil daripada ruangan 'Sastera dan Budaya', 'Pendidikan' dan 'Utusan Remaja'.

Akhbar berbentuk mingguan seperti Berita Minggu dan Mingguan Malaysia tidak popular penggunaannya, walaupun akhbar-akhbar ini menyediakan ruangan sastera yang khas. Guru-guru memberikan alasan bahawa penerbitan kedua-dua akhbar ini adalah pada hari minggu, menyebabkan sukar untuk dibuat pesanan dan murid-murid sering 'terlupa' membawanya apabila disuruh.

Bahan sastera daripada akhbar Utusan Melayu, Media Hiburan, Watan turut digunakan tetapi dengan kadar kekerapan yang rendah.

Jadual 21 pula menunjukkan kekerapan guru menggunakan bahan sastera daripada majalah tertentu.

Jadual 21: Kekerapan penggunaan bahan sastera Daripada majalah tertentu

Jenis-jenis majalah	Bilangan guru menggunakan		
	Ya	Tidak	Jumlah
Dewan Siswa	38 (66.7%)	19 (33.3%)	57 (100%) *
Dewan Masyarakat	28 (49.1)	29 (50.9)	57 (100)
Dewan Pelajar	21 (36.8)	36 (63.2)	57 (100)
Dewan Sastera	5 (8.8)	52 (91.2)	57 (100)
Pelita Bahasa	1 (1.8)	56 (98.2)	57 (100)
Fokus	1 (1.8)	56 (98.2)	57 (100)
Atom	6 (10.5)	51 (89.5)	57 (100)
Wanita	1 (1.8)	56 (98.2)	57 (100)
Lain-lain	6 (10.5)	51 (89.5)	57 (100)

*Sesetengah guru menggunakan lebih daripada satu majalah.
Oleh itu jawapan melebihi satu majalah.

Jadual 21 menunjukkan guru paling kerap menggunakan bahan sastera daripada majalah **Dewan Siswa** (66.7%). Guru memberikan alasan bahan sastera di dalam majalah **Dewan Siswa** adalah sesuai untuk murid-murid di peringkat tingkatan dua hingga lima. Majalah-majalah lain yang kerap juga digunakan ialah majalah **Dewan Masyarakat** (49.1%) dan **Dewan Pelajar** (36.8%).

(b) Kaitan antara sumber-sumber dengan tingkatan

Jadual menunjukkan kaitan penggunaan bahan sastera daripada akhbar dengan tingkatan tidak dibentangkan kerana tidak terdapat perbezaan yang ketara. Bagaimanapun, hal yang sebaliknya didapat ialah hadap penggunaan bahan sastera daripada majalah (rujuk Jadual 22).

Jadual 22: Kaitan tingkatan dengan jenis majalah yang digunakan

Jenis majalah	Tingkatan							Jum.
	1 (n=10)	2 (n=7)	3 (n=7)	4 (n=10)	5 (n=5)	1,2,3 (n=14)	4 & 5 (n=4)	
DSiswa	9(90)	4(57)	4(57)	2(20)	4(80)	12(85)	3(75)	38
DPelajar	6(60)	4(57)	1(14)	2(20)	1(20)	7(50)	-	21
DM	2(20)	3(43)	3(43)	8(80)	4(80)	5(35)	3(75)	28
DSastera	-	-	-	-	3(60)	-	2(50)	5
Pelita	-	-	-	-	-	-	-	-
Bahasa	-	-	-	-	1(20)	-	-	1
Atom	1(10)	-	-	-	2(20)	3(60)	-	6
Wanita	-	-	-	-	1(10)	-	-	1
Fokus	-	-	-	-	1(10)	-	-	1

Sesetengah guru menggunakan lebih daripada satu majalah.

Petunjuk:

- (1) N - merujuk kepada jumlah guru yang mengajar dalam sesebuah tingkatan
- (2) Angka di dalam () menunjukkan peratus.
- (3) % - bilangan guru yang menggunakan majalah

jumlah guru dalam sesebuah tingkatan

(4) D = Dewan

(5) DM = Dewan Masyarakat

Keputusan kajian dalam Jadual 22 menunjukkan bahawa majalah **Dewan Siswa** digunakan oleh semua guru untuk mengajar mata pelajaran bahasa Melayu dalam tingkatan satu, dua, tiga, empat dan lima. Bahan-bahan sastera daripada majalah **Dewan Pelajar** pula didapati lebih kerap digunakan oleh guru yang mengajar tingkatan 1 (60% - 6 orang guru), tingkatan 2 (57% - 4 orang guru) dan guru yang mengajar ketiga-tiga tingkatan, iaitu tingkatan 1, 2 dan 3 (50% - 7 orang guru). Bahan sastera daripada majalah **Dewan Masyarakat** dan **Dewan Sastera** kerap digunakan oleh guru-guru yang mengajar tingkatan empat (80% - 8 orang guru), dan lima (80% - 4 orang guru).

Terdapat juga guru yang menggunakan bahan sastera daripada majalah **Dewan Pelajar** untuk mengajar tingkatan empat (20% - 2 orang guru) dan tingkatan lima (20% - seorang guru), dan majalah **Dewan Masyarakat** untuk mengajar murid-murid tingkatan satu (20% - 2 orang guru) dan tingkatan dua (43% - 3 orang guru).

Kedua-dua penemuan ini merupakan penemuan yang 'menghairankan' kerana penggunaan bahan tidak bersesuaian dengan peringkat umur, taraf bahasa dan kematangan murid.

5.3.7 Apakah jenis-jenis kemahiran bahasa yang diajarkan oleh guru

menggunakan bahan sastera.

Kajian mendapati bahawa bahan sastera di dalam akhbar dan majalah adalah sesuai digunakan bagi mengajar semua kemahiran bahasa. Ini digambarkan oleh data-data dalam Jadual 23.

Jadual 23: Penggunaan bahan sastera di dalam akhbar dan majalah untuk mengajar kemahiran bahasa

Jenis-jenis kemahiran	Bilangan guru menggunakan	
	Akhbar (n=49)	Majalah (n=57)
Mendengar & bertutur	30 (61.2%)	47 (82.4%)
Membaca	26 (53.0)	40 (70.1)
Kefahaman	37 (75.5)	46 (93.8)
Menulis	32 (65.3)	27 (47.3)
Tatabahasa	22 (44.8)	29 (50.8)

Sesetengah guru menggunakan bahan sastera untuk mengajar lebih daripada satu kemahiran.

Daripada Jadual 23 didapati bahawa guru paling kerap menggunakan bahan sastera daripada akhbar dan majalah untuk mengajar kemahiran kefahaman, iaitu sebanyak 75.5% bagi akhbar dan 93.8% bagi majalah. Dapatan ini mempunyai persamaan dengan dapatan kajian Roshani Abdullah (1992) yang mengkaji penggunaan novel untuk mengajar bahasa Melayu di kalangan guru-guru. Kajian

Roshani mendapati guru-guru kerap menggunakan bahan sastera (genre novel) untuk mengajar kemahiran kesahaman berbanding dengan kemahiran-kemahiran bahasa yang lain.

Selain kesahaman, guru-guru juga kerap menggunakan bahan akhbar untuk mengajar kemahiran menulis, iaitu sebanyak 65.3%. Bahan sastera daripada majalah pula kerap digunakan bagi mengajar kemahiran mendengar dan bertutur, iaitu sebanyak 82.4%.

5.3.8 Apakah jenis-jenis aktiviti bahasa yang melibatkan penggunaan bahan sastera, dan bagaimanakah cara penyampaiannya

Aktiviti bahasa merujuk kepada latihan dan aktiviti susulan yang diberikan oleh guru kepada murid-murid setiap kali guru mengajar kemahiran tertentu.

(A) Kemahiran mendengar dan bertutur

Antara aktiviti lanjutan yang diberikan oleh guru kepada murid semasa menggunakan bahan sastera untuk mengajar kemahiran mendengar dan bertutur ialah:

- (a) murid-murid diminta mendeklamasi sajak/ menghayati dialog-dialog cerpen dengan menggunakan sebutan baku, serta gaya dan intonasi suara yang sesuai.

- b) perbincangan mengenai latar belakang tokoh-tokoh sastera dan berita-berita mengenai persatuan penulis. Dalam hal ini keratan gambar atau berita-berita mengenai aktiviti kesusasteraan dan gambar tokoh digunakan sebagai bahan ransangan.
- c) mengadakan sessi temu bual dengan penulis atau tokoh-tokoh sasterawan tanah air. Guru memberikan panduan terhadap soalan-soalan yang wajar dikemukakan kepada tokoh-tokoh yang dijemput.
- d) mengadakan lakonan pendek di hadapan kelas berdasarkan cerpen yang telah dibincangkan. Lakonan itu dirakamkan ke dalam alat perakam.

(B) Kemahiran membaca dan kefahaman

- Aktiviti sampingan semasa guru mengajar kemahiran membaca dan kefahaman ialah:
- (i) meminta murid-murid membaca bahan secara senyap.
 - (ii) memilih beberapa orang murid membaca secara kuat dengan sebutan dan intonasi yang sesuai.
 - (iii) sesi perbincangan mengenai tema, isi-isi penting, maksud tersurat dan tersirat yang cuba disampaikan oleh penulis.
 - (iv) meminta murid-murid menulis rumusan berdasarkan petikan yang telah dibincangkan.
 - (v) meminta murid-murid menjawab soalan-soalan kefahaman untuk menguji kefahaman mereka terhadap bahan.

mencari maksud perkataan dan rangkai-kata dengan menggunakan kamus.

membina ayat dengan menggunakan perkataan perkataan yang dipilih di dalam petikan.

-) menampal keratan puisi dan cerpen tertentu yang diambil daripada akhbar dan majalah ke dalam buku skrap untuk rujukan.
- ii) aktiviti secara berkumpulan, iaitu murid-murid di bawah kumpulan masing-masing dikehendaki menyenaraikan nilai-nilai murni yang terdapat dalam setiap karya yang telah dibincangkan.

) Kemahiran menulis

Kebanyakan guru yang ditemui bual mengatakan mereka meminta murid libatkan diri dalam aktiviti berikut semasa kemahiran menulis diajarkan, iaitu:

-) menulis sajak atau cerpen berdasarkan tema sajak atau cerpen yang telah dibincangkan dengan menggunakan rangkai kata yang indah dan puitis.
-) menulis rumusan daripada sajak atau cerpen yang telah dibincangkan dalam kelas.
- ;) mengarang sajak, cerpen dan pantun berpandukan laporan berita yang menyentuh sesuatu tragedi atau peristiwa daripada akhbar. Sebelum murid-murid diminta menulis, guru akan berbincang dengan murid-murid terlebih dahulu mengenai peristiwa berkenaan dari segi tema, nilai-nilai murni, sebab dan kesan kejadian.

- (d) menulis surat kepada penulis yang tersiar karyanya untuk memberi penghargaan terhadap tulisan beliau.
- (e) menggunting ayat-ayat dan rangkai-kata yang indah daripada keratan akhbar dan majalah dan menampalnya ke dalam buku skrap.

(D) Aspek tatabahasa

Walaupun dalam bentuk peratusan yang rendah, guru turut menggunakan bahan sastera untuk mengajar kemahiran tatabahasa.

Sebahagian besar guru menggunakan bahan sastera yang terdapat dalam akhbar dan majalah untuk mengajar imbuhan, cakap ajuk dan cakap pindah, kata ganti nama, kata kerja dan perkataan berganda. Ini bersesuaian dengan saranan Lufti (1987) dan Shahnon (1979):

"... karya sastera mengandungi banyak gantinama, cakap ajuk, ayat tanya, ayat seruan dan sejenisnya yang tidak terdapat atau sedikit terdapat dalam karya bukan sastera"

(Lufti, 1987:2-3).

"Melalui sastera, pelajar dapat mempelajari bahasa dalam bentuk yang kompleks dan beranika rupa....umpamanya kataganti nama (dalam bahasa Malaysia) mempunyai berbagai-bagai variasi seperti aku, saya, beta, pak cik, teman dan lain-lain yang wajar digunakan dalam situasi-situasi tertentu"
(Shahnon, 1979:490)

Terdapat juga sebahagian guru yang menggunakan bahan sastera dengan tujuan untuk melatih murid-murid menggunakan tatabahasa yang betul. Guru dan pelajar akan berbincang mengenai penggunaan ayat-ayat di dalam petikan. Dengan panduan guru, murid-murid diminta mencari dan membetulkan ayat-ayat yang digunakan oleh penulis tetapi menyalahi hukum tatabahasa. Menurut Lufti (1988) dan Farid (1982) antara kelemahan karya sastera untuk dijadikan bahan pelajaran ialah penggunaan bahasa yang salah tetapi merupakan penyimpangan yang diizinkan.

"... kelemahan yang menyolok ialah penggunaan bahasa yang salah demi keindahan dengan menggunakan lesen keindahan. Ada ayat-ayat yang sengaja disalahkan untuk mendapatkan keindahan."

(Lufti, 1988:103)

Guru telah didapati turut menggunakan bahan sastera daripada akhbar dan majalah untuk mengajar simpulan bahasa, peribahasa dan perbandingan semacam. Ini bertepatan dengan saranan Kamaruzzaman (1988:720) bahawa bahan sastera adalah bersesuaian untuk mempelajari bahasa kiasan.

Terdapat juga aktiviti memberi maksud terhadap perkataan-perkataan rangkai-kata yang sukar difahami dengan menggunakan kamus. Sekiranya terdapat masalah, guru akan berbincang dengan murid-murid tentang makna perkataan berkenaan dengan lebih mendalam.

Secara keseluruhannya, hampir kesemua guru didapati telah menggunakan kaedah penggabung jalinan dalam mengajar kemahiran bahasa. Ini bermaksud, walaupun guru menggunakan bahan sastera untuk mengajar kemahiran bahasa yang tertentu, tetapi dalam masa yang sama mereka menggabungjalinkan kemahiran tersebut dengan kemahiran-kemahiran bahasa yang lain. Contohnya, semasa mengajar kemahiran kefahaman, guru turut menggabungjalinkan kemahiran kefahaman dengan kemahiran membaca, menulis dan tatabahasa.

5.3.8 Apakah pandangan guru terhadap sambutan murid dalam penggunaan bahan sastera di bilik darjah.

Sebahagian besar guru bersetuju bahawa murid-murid berminat semasa bahan sastera digunakan dalam pengajaran bahasa Melayu di bilik darjah. Dalam Jadual 24, sebanyak 73.4% guru yang menggunakan bahan sastera daripada akhbar dan 68.4% guru yang menggunakan bahan sastera daripada majalah berpendapat demikian kerana semasa bahan digunakan, murid-murid menunjukkan reaksi yang aktif, bekerjasama dengan guru dan dapat memahami dengan baik mesej dan objektif yang hendak disampaikan oleh guru.

Jadual 24: Pandangan guru mengenai sambutan murid terhadap penggunaan bahan sastera daripada akhbar dan majalah

Sambutan pelajar	Pandangan guru Akhbar	Pandangan guru Majalah
Berminat	36 (73.4%)	39 (68.4%)
Sederhana	12 (24.4)	17 (29.8)
Tidak berminat	1 (2.2)	1 (1.8)
Jumlah	49 (100)	57 (100)

5.3.9 Apakah bahan sastera di dalam akhbar dan majalah sesuai digunakan untuk semua murid

Guru-guru mengemukakan pandangan yang berbeza-beza mengenai kesesuaian bahan dengan taraf penguasaan bahasa murid-murid. Namun, sebahagian besar guru (Jadual 25) bersetuju bahawa bahan sastera daripada akhbar dan majalah lebih sesuai digunakan di kalangan murid-murid yang mempunyai taraf penguasaan bahasa yang baik. Alasan yang dikemukakan ialah murid-murid dapat memahami bahan dengan lebih mudah, aktiviti pembelajaran dapat berjalan dengan lancar,(murid-murid memberikan kerjasama seperti tidak membuat bising, mengikut arahan guru, menyiapkan latihan pada masa yang ditetapkan, menumpukan perhatian kepada aktiviti yang diarahkan), dan murid-murid lebih aktif dan bersemangat.

Alasan yang dikemukakan oleh guru yang berpendapat bahawa bahan sastera daripada akhbar dan majalah sesuai digunakan kepada semua murid tanpa mengira taraf bahasa mereka (sebanyak 22.4% daripada guru yang menggunakan akhbar dan 17.5% guru yang menggunakan majalah) pula ialah keberkesanan penggunaan bahan bukan terletak kepada taraf penguasaan bahasa murid semata-mata, tetapi berkaitan dengan kebijaksanaan guru dalam memilih, mengubahsuaikan bahan, dan menggunakan kaedah yang dapat menarik minat dan perhatian murid semasa waktu pengajaran berlangsung. Guru-guru yang menggunakan bahan untuk mengajar semua murid tanpa mengira taraf akademik (aktif, pandai, pasif dan lemah) mengatakan bahawa mereka tidak menghadapi sebarang masalah untuk mendapatkan perhatian, minat dan kerjasama murid-murid berkenaan. Bagaimanapun, daripada permerhatian guru, murid-murid berkenaan lebih sukakan pengajaran yang melibatkan banyak aktiviti seperti lakonan, deklamasi sajak, mendengar cerita, memotong keratan-keratan bahan dan menampalnya di buku skrap. Murid-murid yang rendah taraf pencapaian akademiknya didapati kurang memberikan tumpuan apabila guru menggunakan keratan bahan untuk mengajar kemahiran membaca dan memahami.

Jadual 25: Kesesuaian penggunaan bahan sastera di dalam akhbar dan majalah mengikut taraf penguasaan BM murid-murid

Taraf penguasaan	Pandangan guru	
	Akhbar	Majalah
Baik	22 (44.8%)	27 (47.3%)
Sederhana	16 (32.6)	20 (35.0)
Lemah	-	-
Semua	11 (22.4)	10 (17.5)
Jumlah	49 (100)	57 (100)

5.4 KESIMPULAN

Daripada perbincangan di atas, beberapa kesimpulan dapat dibuat, iaitu:

- (1) Bahan sastera daripada akhbar dan majalah boleh digunakan untuk pengajaran dan pembelajaran bahasa di bilik darjah. Ini berdasarkan kekerapan penggunaannya di dalam buku teks dan di kalangan guru-guru yang mengajar di sekolah.
- (2) Penggunaan bahan sastera daripada akhbar dan majalah semakin meluas di kalangan guru-guru yang baru mengajar. Keadaan ini berlainan berbanding pada masa lalu, iaitu alat bantu mengajar hanya digunakan oleh guru yang mempunyai pengalaman mengajar yang luas.
- (3) Kekerapan penggunaan adalah tinggi di dalam buku teks tingkatan empat dan lima, dan di kalangan guru-guru yang berikut:

- (i) Guru yang mengajar tingkatan 4 dan 5.
 - (ii) Guru yang mengajar di sekolah yang kebanyakan murid-muridnya terdiri daripada murid berbangsa Melayu.
 - (iii) Guru yang berminat mengajar bahasa Melayu.
- (4) Dari aspek kemahiran bahasa, bahan sastera paling kerap digunakan untuk mengajar kemahiran membaca dan memahami, diikuti dengan kemahiran mendengar dan bertutur (sama ada dalam buku teks atau di kalangan guru).
- (5) Dari aspek sumber, sumber yang paling popular digunakan sama ada di dalam buku teks atau oleh guru ialah akhbar **Berita Harian** dan majalah **Dewan Siswa**.
- (6) Terdapat kerjasamahan penggunaan secara keseluruhan (sama ada di dalam buku teks atau di kalangan guru) di antara sumber dengan tingkatan. Contohnya, bahan sastera daripada majalah **Dewan Masyarakat**, **Dewan Sastera**, **Pelita Bahasa**, **Wanita** dan **Fokus** kerap dimuatkan dalam buku teks dan digunakan oleh guru-guru tingkatan empat dan lima manakala bahan-bahan sastera daripada majalah **Dewan Pelajar** lebih kerap dimuatkan dalam teks dan digunakan oleh guru-guru tingkatan satu, dua dan tiga.
- (7) Sesetengah guru menghadapi masalah-masalah tertentu semasa menggunakan bahan sastera daripada akhbar dan majalah sebagai alat pengajaran. Antara masalah utama yang dikemukakan ialah bahan-bahan sastera di dalam akhbar dan majalah menggunakan ruangan yang panjang, dan bahasa yang susah. Bagaimanapun, masalah-masalah yang dihadapi tidak pula mematahkan semangat guru-guru untuk terus menggunakan bahan ini.

Dalam masa yang sama, satu penemuan menarik ialah sebahagian besar guru didapati beranggapan bahawa mereka tidak menghadapi apa-apa masalah semasa menggunakan bahan sastera daripada akhbar dan majalah untuk tujuan pengajaran di bilik darjah.